

05 MAY 2003

Jerman-Lawatan/I

KERJASAMA EKONOMI, ISU SEJAGAT TOPIK UTAMA PERBINCANGAN

SCHROEDER-MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Mei (Bernama) -- Kerjasama ekonomi, keadaan di Iraq dan masalah Palestin dijangka menjadi topik utama perbincangan antara Canselor Jerman Gerhard Schroeder dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena lawatan tiga hari pemimpin Jerman itu ke Malaysia bermula Ahad ini.

Duta Jerman ke Malaysia Jurgen A.R. Staks berkata lawatan itu, yang pertama oleh Canselor Jerman ke negara ini sejak Kuala Lumpur dan Berlin menjalin hubungan diplomatik pada 1958, akan juga membuka peluang ke arah mempertingkatkan lagi hubungan kerjasama antara Asean dan Kesatuan Eropah (EU).

"Jadi, ia memberi peluang kepada Canselor Jerman untuk melihat sendiri apa yang sedang berlaku di Malaysia dan di rantau ini serta bagaimana kita sama-sama dapat memanfaatkan hubungan yang sedia terjalin ini," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Selain berkunjung ke Malaysia, Schroeder akan melawat Singapura, Indonesia dan Vietnam dalam rangka lawatannya itu.

"Canselor tidak akan mengunjungi China, Jepun atau Korea Selatan (kerana) beliau hanya memberi tumpuan kepada Asean dan Asia Tenggara dengan melawat empat negara utama yang tidak pernah dibuat sebelum ini," katanya.

Rombongan Schroeder yang terdiri 50 anggota turut disertai Menteri Ekonomi dan Buruh, Wolfgang Clement serta Pengerusi Persatuan Industri Jerman Asia-Pasifik Dr Heinrich von Pierer.

Schroeder akan mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menghadiri mesyuarat menghadap Yang di-Pertuan Agong dan menyampaikan ceramah bertajuk "Malaysia-Jerman: Rakan Dialog Di Kalangan Peradaban" di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar.

Mengenai isu antarabangsa, Staks berkata pemimpin Jerman itu akan membincangkan peranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam menyusun semula badan dunia itu bagi memperkukuhkan kedudukannya seperti sebelum tercetusnya pencerobohan terhadap Iraq oleh Amerika Syarikat dan sekutunya.

"Perlu ditegaskan bahawa Canselor amat berharap peranan menyusun semula Iraq dapat diamanahkan kepada PBB termasuk memberi bantuan yang diperlukan, dan perkara ini tidak sepatutnya dilaksanakan oleh mana-mana negara secara individu melainkan di bawah naungan dan dengan sokongan PBB," katanya.

Ditanya sejauh mana syarikat Jerman komited untuk terus melabur di Malaysia memandangkan negara itu sendiri menghadapi masalah ekonomi, Staks berkata mereka akan terus beroperasi di negara ini sambil meneroka peluang baru.

Katanya masalah yang dihadapi oleh Jerman lebih merupakan pertumbuhan ekonomi tetapi pada keseluruhannya, keadaan di negara itu tetap baik dan jumlah eksportnya amat memuaskan.

"Malaysia yang terkenal sebagai negara yang mudah untuk berdagang, melabur dan menjalin kerjasama, amat penting bagi Jerman. Kami harap lawatan Canselor ini akan menghasilkan projek baru bagi syarikat yang sudah beroperasi di negara ini dan yang sedang bersaing dengan pihak lain untuk mendapatkan projek, dan saya yakin, ini akan terjadi," katanya.

Kini, 300 syarikat Jerman beroperasi di Malaysia dan 2,000 warganya bekerja atau tinggal di sini.

Dagangan antara Malaysia dan Jerman, kuasa utama ekonomi Eropah, bernilai RM18 bilion.

Mengulas lawatan Dr Mahathir ke Jerman pada 2002, Staks berkata ia amat

berhasil.

"Ini juga satu petanda. Selalunya kita membalas lawatan selepas dua atau tiga tahun (tetapi) dalam kes ini, Canselor berkata beliau akan datang dalam tempoh 14 bulan...ia merupakan satu petanda jelas.

Staks berkata hubungan antara Dr Mahathir dan Schroeder amat baik, mesra, terbuka dan pragmatis, dan hubungan seperti inilah yang perlu dimanfaatkan.

"Saya yakin lawatan Canselor akan meningkatkan lagi hubungan sedia ada khususnya dalam bidang kerjasama ekonomi, perdagangan dan pelaburan," katanya.

-- BERNAMA

RV AHH SP MAI